Australian Bureau of Statistics

census
8 August 2006

Fact Sheet

www.abs.gov.au/census

Notis kepada semua pengunjung ke Australia

Pada hari **Selasa bersamaan 8 Ogos,** Banci Australia akan dilaksanakan. Setiap orang yang berada di negara ini pada malam tersebut harus termasuk dalam Banci, di manapun mereka sedang tinggal.

Australia berharap agar semua pelancong, pengembara, pelawat bisnes dan pengunjung lain akan mengambil bahagian. Kesulitan peribadi anda terjamin sepenuhnya. Segala maklumat yang diperolehi dalam Banci adalah sulit di bawah undang-undang.

Jadi, pastikan anda termasuk dalam borang Banci, di manapun anda sedang tinggal pada Malam Banci.

Jika anda tinggal bersama sahabat atau saudara, anda dapat termasuk dalam borang Banci mereka.

Jika anda tinggal di tempat penginapan yang dibayar, seperti hotel, asrama, rumah tamu, daerah karavan atau rumah pangsa perkhidmatan, anda akan diberi borang Banci dengan arahan untuk mengisi borang tersebut.

Jika anda berkhemah, melakukan perjalanan semalaman, atau berada di tempat yang tidak biasa, telah diatur khusus supaya anda diberi borang Banci. Sila isi borang Banci menurut arahan orang yang menyampaikan borang kepada anda.

Banci memberi sebuah gambaran mengenai Australia dan merupakan cara yang paling baik untuk membuat penilaian dan merancang untuk masa hadapan. Banci memberi maklumat penting yang digunakan dalam merancang kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik untuk pelbagai tujuan, termasuk pelancongan, bagi warga Australia mahupun pengunjung ke Australia.

Untuk maklumat lanjut dalam bahasa anda sila telefon **1300 363 365** (mulai akhir bulan Julai) atau kunjungilah tapak web Banci di **www.abs.gov.au/census**

Terima kasih kerana penyertaan anda dalam Banci Australia.